

U B817 AAB
MAHATHIR - PENGAWAS

SUBANG, 1 MAC (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MENYIFATKAN KUMPULAN YANG MENGELARKAN DIRI MEREKA +PENGAWAS PILIHAN RAYA+ SEBAGAI GIMIK POLITIK DAN MERUPAKAN SATU CABANG PEMBANGKANG.

+IA ADALAH GIMIK POLITIK. SETAHU SAYA, IA MERUPAKAN SUATU CABANG PEMBANGKANG,+ KATANYA KEPADA PEMBERITA SEKEMBALINYA DARIPADA PERJUMPAAN DENGAN PEMINPIN KULIT HITAM AFRIKA SELATAN, NELSON MANDELA DI LUSAKA, ZAMBIA, DI LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA KUALA LUMPUR DI SINI.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA DEMIKIAN SEBAGAI MENGULAS KEWUJUDAN KUMPULAN ITU YANG DIKETUAI OLEH BEKAS KETUA HAKIM NEGARA TUN MOHAMAD SUFFIAN HASHIM KONONNYA BAGI MENENTUKAN PILIHAN RAYA AKAN DATANG DIADAKAN SECARA BERSIH DAN SAKSAMA.

PERDANA MENTERI BERKATA, BELIAU SEDAR GOLONGAN ITU SELAMA INI ASYIK MENCACI KERAJAAN DAN MEMBURUKKAN NAMA NEGARA DI LUAR NEGERI SERTA BERUSAHA SUPAYA PELABUR ASING TIDAK DATANG KE MALAYSIA KONONNYA KERANA KERAJAAN TIDAK ADIL DAN SISTEM KEHAKIMAN NEGARA TIDAK BAIK.

SAMBIL MENEGASKAN BAHAWA KUMPULAN ITU SEBENARNYA TIDAK BERSIFAT BERKECUALI TETAPI ANTI KERAJAAN, BELIAU BERKATA, WALAUPUN SESEORANG ITU MERUPAKAN BEKAS HAKIM, IA TIDAK BERMAKNA BELIAU TIDAK MEMPUNYAI PANDANGAN BERAT SEBELAH. -- LAGI.

1712MST 01 03 90

U B820 AAB
MAHATHIR - PENGAWAS 2 SUBANG

+MEREKA TIDAK BOLEH BUAT APA-APA DI NEGARA INI. MEREKA TAHU MEREKA ADA HUBUNGAN DENGAN BADAN-BADAN TERTENTU DI SELURUH DUNIA DAN KERJA MEREKA SETAKAT YANG SAYA TAHU SELAMA BEBERAPA TAHUN INI IALAH CACI KERAJAAN DAN MEMBURUKKAN NEGARA SEBERAPA BOLEH. MEREKA TIDAK ADA NIAT BAIK,+ KATANYA.

BELIAU BERKATA, KERAJAAN TIDAK AKAN MENGAMBIL APA-APA TINDAKAN TERHADAP KUMPULAN ITU KERANA NEGARA INI MENGAMALKAN DASAR BEBAS DAN TERPULANG KEPADA RAKYAT SAMA ADA MAHU MEMPERCAYAI KUMPULAN YANG MENCACI NEGARA SENDIRI ATAU MAHUKAN PEMBANGUNAN SEPERTI YANG TERDAPAT SEKARANG.

PERDANA MENTERI JUGA MEMBIDAS MAJLIS PEGUAM YANG MEMBURUKKAN KERAJAAN DI KALANGAN PEGUAM DI SELURUH DUNIA TETAPI TIDAK PERNAH MEMBERI SUMBANGAN YANG POSITIF TERHADAP NEGARA.

KATANYA, JIKA BENAR DAKWAAN KONONNYA TIDAK WUJUD KEADILAN DI NEGARA INI SUDAH TENTU RAMAI ORANG YANG TERTINDAS.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA BERKATA, KUMPULAN ITU BOLEH MENDAFTARKAN NAMA PERTUBUHAN MEREKA SEKIRANYA IA TIDAK BERCANGGAH DENGAN UNDANG-UNDANG.

-- LAGI.

1714MST 01 03 90

U B822 AAB
MAHATHIR - PENGAWAS 3 SUBANG

KATANYA, BAGAIMANAPUN, KUMPULAN ITU LEBIH ARIF MENGENAI UNDANG-UNDANG DAN MEREKA BOLEH BUAT APA SAHAJA TERMASUK Mencari KELEMAHAN DALAM UNDANG-UNDANG.

PERDANA MENTERI JUGA MEMPERSOALKAN GESAAN KUMPULAN ITU SUPAYA MENGHORMATI MAHKAMAH DAN MENGHORMATI HAKIM-HAKIM TETAPI SEBALIKNYA MEREKA SENDIRI YANG CUBA MEMASUKKAN KETUA HAKIM NEGARA KE DALAM PENJARA.

+APABILA KITA AMBIL TINDAKAN TERHADAP KETUA HAKIM NEGARA SEBELUM INI, KITA BETUL-BETUL IKUT UNDANG-UNDANG. TETAPI TIDAK ADA PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG UNTUK MASUKKAN KETUA HAKIM NEGARA KE DALAM PENJARA KONONNYA ADA KES MENGHINA MAHKAMAH,+ KATANYA.

+GOLONGAN SEPERTI INI MENGANGGAP MEREKA MEMPUNYAI KUASA DAN APABILA MEREKA MEMILIKI KUASA, MEREKA TELAH PUN MENYALAHGUNAKAN KUASA YANG ADA. MOGA-MOGA TUHAN MEMBERI PERLINDUNGAN KEPADA KITA JIKA MEREKA MENJADI KERAJAAN KERANA MEREKA AKAN MENYALAHGUNAKAN KUASA LEBIH DARIPADA ORANG LAIN,+ KATANYA. -- LAGI.

1723MST 01 03 90

U B825 AAB
MAHATHIR - PENGAWAS 4 SUBANG

MENGENAI PERLANTIKAN PENGARAH KESELAMATAN DALAM NEGERI DAN KETENTERAMAN AWAM, DATUK MOHAMED YASSIN JAAFAR SEBAGAI KETUA PENGARAH PENJARA YANG BARU, DATUK SERI DR MAHATHIR YANG JUGA MENTERI DALAM NEGERI BERKATA, PERLANTIKAN ITU ADALAH UNTUK SEMENTARA WAKTU (AD HOC) SEBELUM JAWATAN ITU DISERAHKAN KEMBALI KEPADA PEGAWAI KANAN JABATAN PENJARA.

KATANYA, KERAJAAN TIDAK MENETAPKAN TEMPOH BAGI PERLANTIKAN ITU TETAPI IA BERTUJUAN MENGEMASKINIKAN PENTADBIRAN TERMASUK MENGATASI SEGALA KELEMAHAN YANG ADA.

MENURUTNYA, PERLANTIKAN SEORANG PEGAWAI KANAN POLIS KE JAWATAN ITU BERTUJUAN MENERAPKAN NILAI-NILAI PENTADBIRAN POLIS YANG BIASANYA MEMPUNYAI ATURAN DISIPLIN YANG LEBIH KETAT.

TAMBAH BELIAU, PEMILIHAN SEORANG PEGAWAI KANAN POLIS DAN BUKAN PEGAWAI TENTERA DIBUAT BERDASARKAN PASUKAN POLIS LEBIH ARIF DENGAN UNDANG-UNDANG SIVIL.

KETIKA DITANYA MENGAPAKAH BUAT PERTAMA KALI +ORANG LUAR+ DIPILIH UNTUK MEMEGANG JAWATAN ITU, BELIAU BERKATA: +ORANG LUAR MUNGKIN BOLEH MELIHAT SESUATU MASALAH ITU DENGAN JELAS DARI LUAR DAN MEMBAWA MASUK IDEA BARU+.

KATANYA, KEPUTUSAN MEMILIH SESEORANG PEGAWAI DARIPADA JABATAN BERLAINAN TIDAK BERGANGGAH DENGAN KEHENDAK PERKHIDMATAN AWAM.

PERDANA MENTERI BERKATA, BELIAU BANGGA KERANA PERLANTIKAN DATUK MOHAMED YASSIN DAPAT DITERIMA DENGAN BAIK OLEH PARA PEGAWAI PENJARA. -- BERNAMA.

1726MST 01 03 90